

TH lancar inisiatif celik kewangan 'Cilik-Cilik Dah Celik'

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Haji (TH) melancarkan Program Literasi Kewangan 'Cilik-Cilik Dah Celik', yang bertujuan membina tabiat menabung sejak usia muda serta melahirkan generasi celik kewangan bersedia menunaikan ibadat haji.

Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Mustakim Mohamad berkata, inisiatif itu menjadi

platform pendidikan kewangan awal kepada keluarga muda agar lebih berdisiplin dalam menguruskan kewangan dan mampu membina simpanan mencukupi bagi menunaikan rukun Islam kelima pada masa hadapan.

"Trend semasa menunjukkan keperluan mendesak untuk mendidik masyarakat Islam mengenai pengurusan kewangan.

"Berdasarkan statistik, seba-

nyak 53 peratus pendeposit TH mempunyai baki simpanan kurang daripada RM1,300, manakala hampir separuh daripada bakal jemaah musim 1446H/2025M terpaksa menolak tawaran haji kerana kekurangan simpanan," katanya dalam kenyataan.

Bagi fasa perintis, TH dengan kerjasama strategik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyasarkan pe-

nyertaan sekitar 100 keluarga muda dari Lembah Klang, Selangor dan Negeri Sembilan.

Program 'Cilik-Cilik Dah Celik' merangkumi enam modul utama literasi kewangan iaitu transformasi minda, perancangan kewangan, pengurusan aliran tunai, membina kekayaan, perlindungan daripada penipuan kewangan serta pengurusan hutang.

Sepanjang tempoh enam bu-

lan, peserta akan mengikuti bengkel pendidikan kewangan, simulasi kewangan, pembelajaran atas talian serta aktiviti gamifikasi.

Anak-anak peserta turut dipantau dalam aspek simpanan secara konsisten, manakala ibu bapa akan menerima ganjaran bulanan dan hadiah utama berdasarkan komitmen dan pencapaian.

CLAB perkukuh pengurusan pekerja asing berkemahiran

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
dan **FADILLA FAZIRA ZAHID**
ekonomi@utusan.com.my

PETALING JAYA: Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB), anak syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), menyasarkan untuk memperkukuh peranannya sebagai pusat sehati dalam menguruskan kemasukan dan pengendalian tenaga kerja asing di sektor pembinaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif CLAB, Datuk Abdul Rafik Abdul Rajis berkata, peranan itu amat penting bagi memastikan industri pembinaan negara terus berdaya saing, khususnya dalam menghadapi cabaran permintaan tenaga kerja berkemahiran yang semakin meningkat.

Menurut beliau, kebergantungan kepada tenaga kerja asing adalah realiti yang perlu ditangani dengan mekanisme tersusun kerana pekerja asing bukan sahaja melengkapkan tenaga kerja tempatan, malah menjadi tunjang dalam melaksanakan pelbagai projek pembangunan utama negara.

"Oleh itu, kami mahu memastikan pekerja asing yang dibawa masuk benar-benar sah dari segi dokumentasi, kompetensi mengikut tahap kemahiran serta mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan.

"Dengan cara ini, industri dapat bergerak lebih teratur dan tidak menanggung risiko besar daripada aspek kualiti dan keselamatan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Abdul Rafik berkata, antara usaha utama yang sedang giat dilaksanakan ketika ini ialah pelaksanaan Sijil Kompetensi



ABDUL RAFIK ABDUL RAJIS

Kemahiran Pembinaan (SKKP), iaitu pengiktirafan rasmi oleh CIDB kepada pekerja binaan asing yang telah menjalani penilaian kemahiran di Akademi Binaan Malaysia (ABM).

"SKKP bukan sekadar dokumen biasa sebaliknya ia berfungsi sebagai standard industri yang menetapkan tahap kemahiran, disiplin serta pematuan keselamatan minimum untuk seseorang pekerja binaan.

"Apabila pekerja memiliki SKKP, ia memberi keyakinan kepada majikan bahawa mereka benar-benar mahir, memahami prosedur keselamatan di tapak binaan dan mampu menghasilkan kerja yang menepati spesifikasi," jelasnya.

Tambah beliau, sijil berkenaan bukan sahaja mengangkat imej pekerja asing sebagai tenaga kerja berkemahiran malah membuka laluan kerjaya yang lebih luas, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di negara lain yang mengiktiraf standard latihan dan akreditasi CIDB.

"Daripada sudut majikan,

pelaksanaan SKKP memberi banyak manfaat praktikal kerana ia dapat mengurangkan risiko kerja tidak berkualiti, sekali gus mengelakkan kos tambahan yang biasanya timbul akibat kesilapan atau kelemahan tenaga kerja.

"Selain itu, projek pembinaan dapat disiapkan dengan lebih cepat kerana tenaga kerja yang digunakan lebih cekap. Ini secara langsung meningkatkan produktiviti keseluruhan sektor," tambahnya.

Dalam pada itu, CLAB juga menekankan aspek penambahbaikan terhadap Kad Hijau CIDB, iaitu dokumen rasmi yang diwajibkan kepada semua pekerja binaan sebagai bukti kelayakan berada di tapak pembinaan.

Abdul Rafik berkata, Kad Hijau kini diperkasa dengan pelbagai fungsi baharu, termasuk sistem pembayaran gaji digital atau E-Wages/E-Wallet yang dilihat mampu meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia dalam sektor berkenaan.



AMIRUL Feisal Wan Zahir berucap pada Forum Megatrends Khazanah (KMF) 2025 di Kuala Lumpur, semalam. - **UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Khazanah terbuka bekerjasama bangunkan unsur nadir bumi

KUALA LUMPUR: Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) terbuka untuk berbilang dengan semua pihak berkepentingan berkaitan unsur nadir bumi (REE).

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir berkata, sektor itu dianggap strategik dan Khazanah turut menjalankan pelbagai kajian dalam bidang berkenaan.

"Justeru, kami terbuka untuk berunding serta bekerjasama dengan semua pihak.

"Peranan Khazanah adalah untuk menilai peluang yang bukan sahaja menjana nilai jangka panjang untuk negara, tetapi juga sejajar dengan trend global dalam kelestarian dan inovasi," katanya kepada pemberita semasa sidang media selepas Forum Megatrends Khazanah 2025 (KMF) semalam.

Beliau berkata, syarikat pelaburan strategik negara itu sentiasa komited memainkan peranan dalam usaha memperkukuh sektor strategik yang mampu memacu kemajuan ekonomi negara.

"Kami sedar terdapat

perbincangan kerajaan dengan kerajaan (G2G) antara Malaysia dan China berhubung REE.

"Kami juga bersedia untuk menyokong usaha kerajaan dalam meneroka serta memahami sektor baharu dan strategik, termasuk REE bagi memastikan masa depan ekonomi Malaysia terjamin," katanya.

Sebelum ini Reuters melaporkan, China dan Malaysia sedang dalam perbincangan awal mengenai satu projek untuk memproses REE.

Katanya, Khazanah Nasional dijangka bekerjasama dengan sebuah syarikat milik kerajaan China bagi membina sebuah loji penapisan di negara Asia Tenggara itu.

Sementara itu, mengulas mengenai KMF 2025, beliau dalam ucapan berkata, Khazanah telah memperbaharui rangka kerja kemampanan di bawah tema Menjamin Masa Hadapan.

Rangka kerja ini berpaksikan tiga tonggak utama yang menjadi panduan dalam segala tindakan dan keputusan kami.